KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	16/11/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	28
JABATAN	:	JMG			

Tiada laporan rasmi setakat ini - Timbalan MB

KETULAN EMAS DI BUKIT LATA

TUMPAT - Kerajaan Kelantan belum menerima sebarang laporan secara rasmi berhubung penemuan ketulan yang didakwa mengandungi emas di Bukit Lata, Rantau Panjang sebagaimana tular dan dilaporkan media.

Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Abdullah berkata, Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) serta Pejabat Tanah dan Galian (PTG) negeri masih belum mengemukakan sebarang maklumat berhubung perkara itu.

"Saya hanya tahu mengenai penemuan itu menerusi laporan akhbar.

"Jadi kita akan tunggu laporan daripada pihak berkenaan," katanya selepas diminta mengulas mengenai penemuan ketulan yang disyaki mengandungi emas.

Mohd Amar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Panchor sebelum itu merasmikan pembukaan Restoran D' Terapung Pantai Sri Tujuh di sini pada Isnin.

Menurutnya, melalui laporan itu nanti, kerajaan akan membuat penelitian sebelum mengambil sebarang tindakan.

Beliau berkata, Kelantan sememangnya kaya dengan sumber emas di dalam bumi atau sungai sebagaimana yang dikemukakan oleh JMG.

Mohd Amar berkata, ia dapat dilihat di kawasan Sokor Tanah Merah dan Jeli.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan, penemuan ketulan batu yang didakwa mengandungi emas di kawasan Bukit Lata di sini menggemparkan penduduk setempat.

Susulan itu, lokasi yang merupakan tapak projek tebatan banjir menjadi tumpuan penduduk setempat untuk melihat sendiri penemuan batu-batu berkenaan.

Bagaimanapun, lokasi itu telah ditutup sepenuhnya oleh pihak berkuasa kepada orang luar susulan penemuan batu yang didakwa mengandungi emas tersebut tular di laman sosial Facebook beberapa hari lalu.


Jumpa ketulan batu ada emas di Bukit Lata

Lokasi tapak projek tebatan banjir itu jadi tumpuan orang ramai sebelum ditutup

Laporan *Sinar Harian* pada Isnin.

SH
16.11.2021_28